

MEMO

TARIKH: 7 Disember 2020

KEPADA: YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman

DARIPADA: Mohd Faizol Abd Rahman
Penolong Pengurus
PACS/OED

PERKARA: Kelewatan Penghantaran Borang Permohonan Perolehan (R.O) bagi Pembayaran Pembekal Kursus Permintaan dan Pembekal Plaque dan Sijil Penghargaan Program PPKV-MED 2019

YBhg. Dato',

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', pihak MRT Corp. Sdn Bhd baru mengesahkan untuk melaksanakan Kursus Fasilitator dan Audit Dalam Amalan Persekitaran Berkualiti QE/5S pada 4 Disember 2020 dan akan melaksanakan kursus secara atas talian (online) pada 9,10, 16 & 17 Disember 2020. Sehubungan itu, Unit PACS akan melantik MPC Partner (Hijrah Synergy Resources) bagi membantu MPC melaksanakan kursus permintaan tersebut.


3. Unit PACS juga telah merancang untuk mengadakan Program Creanova Lean/Majlis Apresiasi PPKV-MED pada 12 & 13 November 2020. Namun begitu, program secara fizikal telah dibatalkan berikutan PKPB di Selangor dan program telah dijadualkan semula pada 14 Disember dan akan dijalankan secara virtual. Bagi program ini, setiap syarikat peserta PPKV-MED 2019 akan diberikan Sijil dan Plaque penghargaan bagi menghargai penyertaan dan kejayaan syarikat yang telah melaksanakan Projek Pengurusan Lean di bawah program PPKV-MED 2019 ini. Pengurusan penyediaan dan penghantaran Plaque serta Sijil Penyertaan akan disediakan oleh pembekal JEMZ Group International Sdn Bhd.

4. Sehubungan itu, pihak kami memohon pertimbangan dan kelulusan YBhg. Dato' bagi membolehkan saya membuat urusan Pemohonan Perolehan (R.O) untuk dua (2) perkara di atas bagi melancarkan pelaksanaan program yang telah dirancang.

Sokongan dan kelulusan daripada YBhg Dato' dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:



Mohd Faizol Abd Rahman
Penolong Pengurus, PACS
Tarikh: 7 Disember 2020

Disokong oleh:



Rosmi Abdullah
Pengarah, PACS
Tarikh: 7 Disember 2020

Diluluskan oleh:



Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah, MPC
Tarikh: 8/12/2020